



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

2 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan rumah pasang siap.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **rumah pasang siap** di negara kita.


Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

Rumah Pasang Siap merupakan salah satu sistem pembinaan rumah atau bangunan yang dinamakan Sistem Bina Berindustri atau Rumah IBS (Industrialised Building System). Komponen ini meliputi rasuk, tiang, lantai, dan juga dinding. Rumah jenis ini menggunakan komponen-komponen prapasang dan disiapkan separa di kilang dalam keadaan terkawal dan diselia terlebih dahulu sebelum dihantar ke tapak bina yang kemudiannya akan dipasang mengikut pelan pembinaan yang telah dirangka.


Sumber: <https://azmegaplus.com.my/rumah-pasang-siap-terkini-malaysia/>

MANFAAT IBS

- ❖ Kos lebih rendah.
- ❖ Pembinaan lebih cepat.
- ❖ Kualiti binaan lebih ringan & kukuh.
- ❖ Tidak memerlukan tenaga kerja ramai.

KATEGORI IBS

Konkrit Pratuang



Kerangka Keluli



Kerangka Kayu



Sistem Blok



Sistem Acuan

Sumber: <https://azmegaplus.com.my/rumah-pasang-siap-terkini-malaysia/>

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1
- Kuala Lumpur telah dinobatkan sebagai Kota Buku Dunia pada tahun 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang juga dikenali sebagai *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO). Dengan slogan “KL Baca: Menyantuni Masyarakat Melalui Pembacaan”, pengiktirafan ini diharapkan akan dapat menyemarakkan lagi budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia.
- Dipetik dan diubah suai daripada
‘Kuala Lumpur, Kota Buku Dunia’
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Pernyataan di atas menunjukkan pengiktirafan kepada ibu negara Malaysia. Antara faktor penyumbang anugerah berkenaan ialah penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) pada saban tahun yang pastinya akan dibanjiri oleh para pengunjung dari serata negeri.

Jelaskan manfaat-manfaat penganjuran PBAKL kepada generasi muda.

- 2
- Rozel dikenal pasti sebagai tanaman industri yang berpotensi untuk dikembangkan sebagai sumber ekonomi. Menurut Penolong Pegawai Pertanian Daerah Bentong, Khairul Zamar Zakaria, sebahagian daripada hasil tanaman boleh dipasarkan secara segar ke pasaran terkemuka manakala ada juga pengusaha yang menjadikan hasil tanaman itu sebagai produk seperti kordial, acar dan halwa di bawah pengawasan Pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kerana berpendapat bahawa pasaran segar semata-mata boleh mengundang risiko. Untuk itu, pengusaha juga boleh mendapatkan modal tambahan seperti daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) selain bantuan daripada Bank Pertanian Malaysia.
- Dipetik dan diubah suai daripada
‘Usahawan Rozel Raih Kejayaan Singkat’
<https://harizamrri.com/2008/02/18/usahawan-roselle-raih-kejayaan-singkat/>

Berdasarkan petikan di atas, anda yang merupakan seorang Pegawai Pertanian diminta untuk menyampaikan sebuah ucapan mengenai ‘Cara-Cara Mengkomersialkan Tanaman Rozel’, kepada pengunjung Karnival Asas Tani.

Sediakan teks ucapan itu selengkapnya.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

3

Zaman dahulu robot hanyalah sekadar mesin. Kini, kita menyaksikan robot dapat bertindak mengikut arahan yang disambungkan kepada sistem yang membolehkannya berfungsi dengan robot lain. Lebih tepat lagi, penggunaannya bersangkut paut dengan keupayaan Internet. Pengeluaran barangan dan perkhidmatan menjadi lebih cekap apabila semua urusan dilakukan melalui Internet. Sebagai contoh, penggunaan robot sebagai pengesan dalam pertanian bukan sahaja mampu menentukan keadaan cuaca, malahan berupaya memaklumkan jumlah air yang diperlukan oleh tanaman.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Zaman Robot’
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

Penciptaan robot yang memudahkan pengurusan pelbagai sektor seiring dengan perkembangan dan revolusi industri 4.0 (IR 4.0) di negara kita. Pasti, bidang ini memerlukan penglibatan daripada golongan muda.

Bincangkan persediaan-persediaan yang perlu dilakukan oleh mereka sebelum menceburkan diri dalam bidang tersebut.

4

LANGKAWI: Pulau Langkawi telah diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai salah satu lokasi tapak geopark terawal yang ada di Asia Tenggara meliputi kesemua 99 buah kepulauan yang berada di sekitarnya sejak 2017. Aktivis Kelab Belia Prihatin Malaysia, Luqman Hakim Md Zim berkata, usaha pembangunan sektor ekonomi ekopelancongan di Pulau Langkawi yang diusahakan oleh *Langkawi Development Authority* (LADA) wajar disambut dan menjadi contoh kepada agensi-agensi kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan ataupun di negeri-negeri lain.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Wujudkan Lebih Banyak Tempat Pelancongan Hijau’
oleh Aslinda Nasir
<https://www.utusan.com.my/berita/>

Petikan akhbar di atas menjelaskan keunikan tempat pelancongan hijau yang berada di negara Malaysia. Kini, sektor pelancongan hijau yang menyebarkan mesej untuk melestarikan alam sekitar semakin mendapat tempat di seluruh dunia.

Huraikan ciri-ciri sektor pelancongan hijau.

KERTAS PEPRIKSAAN TAMAT



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
5. **Buku jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan dua kata bantu dan dua kata penguat. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Menurut data dari Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia, industri pelancongan di Malaysia telah menyumbang lebih 3.5 juta pekerjaan pada tahun 2019. Namun demikian, COVID-19 yang berlaku di negara ini menyebabkan industri pelancongan terjejas sangat teruk. Menurut data yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia, jumlah pelancong ke Malaysia pada tahun 2020 turun sebanyak 83.4 peratus berbanding tahun 2019. Data yang amat membimbangkan itu dikhuatiri akan mewujudkan skala pengangguran pekerjaan terbesar yang belum pernah kita hadapi. Oleh itu, sektor pelancongan mahu merancang pelbagai strategi yang paling ampuh untuk memastikan destinasi pelancongan sentiasa menarik dalam usaha memperkukuh ekonomi tanah air.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Industri Pelancongan Perlu Bangkit Perkukuh Ekonomi Negara’
<https://www.bernama.com/>

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat aktif yang bergaris kepada ayat pasif tanpa mengubah makud asalnya.*

Tenaga kerja Malaysia telah meningkat kepada 41,400 jawatan pada tiga bulan pertama tahun ini, berbanding suku sebelumnya. Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata perniagaan yang terus beroperasi ketika fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) menyokong penambahan jawatan itu. Tambahan, liputan vaksinasi yang meluas telah mendorong pengembangan aktiviti global dan domestik. Berdasarkan analisis tahun ke tahun mengikut aktiviti ekonomi, sektor pembuatan dan perkhidmatan terus merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 3.6 peratus dan 1.9 peratus.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Peluang Pekerjaan di Malaysia Semakin Bertambah’
<https://www.bharian.com.my/bisnes/>

[6 markah]

- 3 Dalam bahan-bahan di bawah, terdapat **sebelas kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

UiTM Puncak Alam Menyantuni Pelatih Asrama Bahagia

KUALA LUMPUR: Kira-kira 20 orang mahasiswa yang terdiri daripada Jawatan Kuasa Perwakilan Kolej (JPK) Dahlia, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam disantuni seramai 20 orang pelatih Asrama Bahagia, Kuala Lumpur bersempena dengan program *Dahlia Women Empowerment 2023*. Pendekatan membawa pelatih-pelatih ke Kolej Dahlia ialah sebahagian daripada usaha memupuk semangat bersuka rela di kalangan mahasiswa selain bagi mengurangkan jurang antara pelatih dengan masyarakat. UiTM dalam satu kenyataan memberitahu, walaupun kebanyakan daripada mereka agak canggung dengan sambutan yang diterima, namun masing-masing sangat berbesar hati melibatkan diri dalam program berkenaan.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘UiTM Puncak Alam Menyantuni Pelatih Asrama Bahagia’

<https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan>

[6 markah]

Bahan 2

UZAIR HILMI ‘LIVE’ REVOLUSI PERNIAGAAN ONLINE

Ketahui cara bagaimana anda boleh menjimatkan wang dan gandakan keuntungan apa sahaja perniagaan anda menggunakan strategi pemasaran Internet yang “terbaru dan terbukti berkesan”!

**3 hari, 8 bahagian dan
72 strategi yang pasti**
memaksimumkan keuntungan
perniagaan anda menggunakan
Internet!

- ✓ Sarat dengan maklumat dan menghiburkan
- ✓ Idea-idea yang sangat berguna untuk diaplikasi pada semua jenis perniagaan
- ✓ Gaya penyampaian Uzair Hilmi adalah mudah difahami walaupun terdapat peserta yang tiada belakang IT
- ✓ Teknik-teknik promosi perniagaan yang tidak berfikir

**UZAIR HILMI ‘LIVE’
REVOLUSI
PERNIAGAAN DALAM TALIAN**
KLCC Convention Center, KL
12–14 Disember | 2024 10.00pm – 6.00pm
Tempah tempat anda di: www.UzairHilmiLive.com

**DISKAUN
RM200 UNTUK
100 PESERTA
TERAWAL!**

[5 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala naik raja itu dua puluh tujuh tahun. Dan baginda beristerikan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam; dan ada beranak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[4 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian **lengkapkan** peribahasa yang diberikan dalam ayat-ayat tersebut.*

- (i) Bidang pertanian dan perikanan bukan sahaja perlu didominasi oleh golongan veteran kerana peribahasa ada menyatakan bahawa kecil jangan disangka anak, _____.
- (ii) Golongan muda pada masa ini hendaklah berani berhadapan dengan risiko pekerjaan yang penuh dengan dugaan kerana kalau takut dilambung ombak, _____.
- (iii) Walaupun generasi kini sering memuja kehebatan negara Barat namun ingatlah hujan emas di negeri orang, _____.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Bermula sekarang, boleh dikatakan majoriti pekerja swasta dan kakitangan awam di Malaysia sudah kembali ke tempat kerja dan pejabat masing-masing. Yang tiada kerja pun boleh mencari peluang yang disediakan di portal [jobsmalaysia](http://jobsmalaysia.com). Pasti ramai yang menarik nafas lega selepas lama terkurung di rumah akibat bertarung dengan virus Covid-19 yang menyerang negara kita dan seluruh dunia.

Walau bagaimanapun, apabila di pejabat, anda terikat dengan peraturan dan etika yang telah ditetapkan oleh orang atasan. Semua gerak-geri, perilaku dan cara kerja anda dipantau terus di pejabat berbanding semasa anda berada di rumah. Oleh itu, ada baiknya jika anda meluangkan masa untuk membaca artikel-artikel berkaitan hak yang ada ke atas diri anda supaya mengelakkan diri daripada ditindas atau dianiaya.

Antara yang perlu diberikan perhatian termasuklah Akta Kerja 1955 Pindaan 2022 yang menggariskan sembilan fakta penting. Persediaan ini adalah bagi memastikan status pekerjaan anda tidak ditindas dan diancam sewenang-wenangnya oleh majikan. Jangan gadaikan diri anda hanya kerana anda hanya orang bawahan dan digajikan oleh mereka!

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Akta Kerja’
<https://mypt3.com/akta-kerja>

Bahan 2

Keselamatan pekerja di tempat kerja dirujuk sebagai Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA). Ia merupakan peraturan berkaitan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja dan persekitaran kerja mereka. OSHA juga melindungi rakan sekerja, ahli keluarga, majikan, pelanggan serta individu yang mungkin terjejas akibat persekitaran tempat kerja.

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 adalah sebahagian daripada undang-undang untuk membuat *peruntukan lanjut* bagi menjamin keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja, bagi melindungi orang lain terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan berkaitan dengan aktiviti di tempat kerja mereka, menubuhkan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan yang berkaitan dengannya.

Dipetik daripada ‘Tanggungjawab Majikan dan Pekerja’
<https://www.smeinfo.com.my/>

[Lihat halaman sebelah

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *peruntukan lanjut*. [2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan sesuatu akta pekerjaan itu diwartakan. [3 markah]

- (iii)

Banyak kes kesihatan mental telah dilaporkan di dada-dada akhbar melibatkan para pekerja sama ada dalam sektor awam mahupun swasta. Ada di antara mereka mengalami tekanan dengan bebanan kerja yang melampau.
--

Cadangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh seseorang pekerja untuk mengelakkan diri daripada dibelenggu masalah tersebut. [3 markah]

- (iv) Salah seorang rakan setugas anda di pejabat sering murung dan tertekan berikutan dengan masalah keluarga termasuklah kesempitan wang. Sejak belakangan ini, prestasi kerjanya juga semakin merosot akibat dia tidak dapat mengawal tekanan itu sehinggakan majikan anda bercadang untuk memecatnya.

Sebagai rakan sepejabat yang bertanggungjawab, berikan beberapa langkah yang akan anda lakukan untuk menyelesaikan permasalahan berkenaan. [4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Selain citra merdeka, dalam ceramah pada malam itu, dengan nada penuh kesal, Ahmad Mutawakkil turut mengkritik orang Melayu yang sanggup diperalat Parti Komunis Malaya. Walaupun, siang tadi Penghulu Ibrahim Sigap berulang kali menasihatinya agar tidak menyentuh perihal komunis, Ahmad Mutawakkil tetap lantang membidas.

“Mereka bukan pejuang, tapi orang yang sanggup menjual agama dan bangsa kepada komunis.”

Apa-apa pun, kami lega. Tiada sebarang gangguan komunis dan keadaan di sekitar surau tenang, aman.

Sekalipun majlis ceramah *sudah usai*, kami orang lelaki, masih bersantai di surau. Kira-kira pukul 11:00 malam, seorang budak lelaki mendekati Ahmad Mutawakkil yang sedang berbual-bual dengan Imam Ngah Deraman dan Penghulu Ibrahim Sigap.

Dipetik daripada cerpen ‘Cinta Ahmad Mutawakkil’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2

ONN : Cuba tuan tanya setiap orang yang berbangsa Melayu. Mahukah kamu merdeka? Tentu mereka tidak mahu. Merdeka ertinya berjuang, itu yang mereka tidak bersetuju. Lebih baik tangkap ikan, duduk di warung kopi, lepas itu mengelamun tak menentu. Itulah yang harus kita pecahkan. Kebuntuan pemikiran Melayu harus kita selesaikan. Yang duduk di kedai kopi harus kita sedarkan. Yang bodoh tidak belajar, harus kita sekolahkan. Barulah kemunduran dapat diatasi. Orang Melayu bekerja penuh dedikasi. Tidak lagi dilamun mimpi dan kemiskinan dapat dibasmi.

SYED HUSSIEN : Tepat sekali, tetapi kita harus ada tempat untuk menyuarakan segala pendapat. Sebagai nelayan suara kita tersekat. Perjuangan tak sampai ke matlamat.

ONN : Hanya ada satu cara untuk menyuarakan pendapat. Dalam surat khabar kita boleh menulis dengan tepat. Masa sudah tiba untuk mengubah pemikiran rakyat, supaya hidup tidak merempat.

SYED HUSSIEN : Benar, kerana itulah saya datang berjumpa dengan Encik Onn ini. Kita harus tubuhkan akhbar kita sendiri. Di sana suara kita menjadi sakti. Rakyat harus dibangunkan dari segala segi.

Dipetik daripada ‘Dato Onn’
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *sudah usai*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **setiap bahan**, senaraikan sikap-sikap yang dimiliki masyarakat. [3 markah]
- (iii) Perjuangan pahlawan terdahulu dalam mempertahankan tanah air perlu dicontohi oleh generasi kini. Mereka sanggup mengetepikan kepentingan peribadi untuk memastikan negara bebas daripada kecaman penjajah.

Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan sekiranya generasi kini tidak lagi menanamkan semangat untuk memperjuangkan tanah air? [4 markah]

- (iv) Seorang kenalan di media sosial anda sering memuat naik status berunsur provokasi yang mencabar keamanan negara. Dia juga sering menulis hantaran yang berbaur perkauman dan boleh meruntuhkan keamanan negara walaupun tidak secara terang-terangan. Berkemungkinan dia tidak sedar tindakannya itu salah dan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Sebagai pengguna sosial yang berhemah, bagaimanakah anda ingin memastikan dia tidak terus melakukan sikap negatif itu? [4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan novel *Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Oh, kita boleh pancarkan *display* ke situ?” soal Farisha, agak kagum.

“Ya, ini dinding dwifungsi! Dinding ini boleh digunakan sebagai *touch screen*. Saya akan tunjukkan beberapa fail di sini,” jawab Alia lalu bangun menuju ke dinding. Dia menyentuh beberapa ikon dan gambar rajah seni bina yang pertama terpapar.

Farisha melopong mendengar pembentangan Alia. Dia begitu lancar, tenang dan betul-betul fasih tentang teknologi yang sedang diterangkan. Kata-katanya seperti sudah tertulis dalam skrip. Farisha berasa kagum berselang-seli dan kehairanan kerana sejak tadi dia tidak nampak pun Alia mengerdipkan mata.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara*
oleh Dayang Noor,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan novel di atas, apakah sebab-sebab Farisha kelihatan begitu kagum terhadap Alia? [4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan peristiwa-peristiwa yang boleh menyebabkan kemarahan dalam kalangan pembaca. [6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca petikan dan teliti setiap bahan grafik yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan grafik.*

Bahan 1

Isu buli-membuli dalam kalangan pelajar di sekolah menjadi topik yang sering dibincangkan. Persoalan berkenaan gejala membuli diharapkan boleh membantu para pelajar untuk mengelakkan perkara tersebut berlaku dalam kalangan mereka. Iktibar dan pengajaran dalam contoh di bawah seharusnya diambil serius oleh para pelajar dan pihak berkenaan dalam membendung gejala membuli.

Antara punca perlakuan gejala tidak sihat dalam kalangan anak-anak adalah berpunca daripada keharmonian keluarga mereka sendiri. Kekurangan kasih sayang atau perhatian apabila di rumah menjadi sebab mereka melepaskan tekanan tersebut menerusi aktiviti membuli pelajar lain.

Selain itu, pengaruh televisyen dan media massa yang seolah-olah tiada tapisan pada masa ini juga boleh menyumbang peningkatan gejala negatif ini. Lebih-lebih lagi faktor umur yang semakin menaik menjadikan seseorang itu ingin menunjukkan kekuatannya dengan menjadi pembuli hasil pengaruh daripada filem-filem tempatan seperti KL Gangster dan lain lain. Sepatutnya, penggiat seni dan stesen televisyen hendaklah memaparkan keindahan dan kemakmuran serta kekayaan budi bahasa rakyat kita dengan lebih banyak. Mereka juga seharusnya menjalankan tanggungjawab sosial dalam membantu membina masyarakat yang bahagia dan harmoni. Ibu bapa juga hendaklah bertanggungjawab mengenali anak-anak mereka dan mendidik mereka dengan keperibadian mulia dan unggul agar sahsiah mereka yang cemerlang.

Institusi kekeluargaan berperanan penting dalam mengambil berat segala aspek kehidupan generasi kini. Perkongsian masalah, perbualan tentang lumrah kehidupan dan beriadah bersama-sama adalah contoh amalan mulia yang sepatutnya diamalkan. Ibu bapa hari ini juga perlu lebih bersedia dalam ilmu mendidik anak muda kerana cabaran dan dugaan generasi hari ini berbeza berbanding waktu mereka. Perbandingan zaman yang ketara perbezaannya tidak boleh disamakan tetapi ibu bapa boleh mencari idea dan berbincang apakah perkara yang baik dan tidak baik?.

Dipetik dan diubah suai daripada

‘Punca dan Cara Mengatasi Gejala Buli dalam Kalangan Pelajar Sekolah’,
<https://www.ipendidikan.my/punca-gejala-buli-dan-langkah-mengatasinya.html>

Bahan 2

UNIT BIMBINGAN & KAUNSELING**MARI AMBIL TAHU TENTANG BULI****PUNCA-PUNCA BULI**

- Ingin **BERSERONOK** dan **MENCAPAI KEPUASAN**
- Mengalami **GANGGUAN MENTAL**
- Ingin **MENUNJUKKAN KEKUASAAN** dan **MENGUASAI ORANG LAIN**
- Antara aktiviti **SESUATU** kumpulan contohnya, **GENGSTERISME**

Sama-sama Hentikan Buli!

Bahan 3**Gurindam 12 – Raja Haji Fisabillah**

Fasal 6

Carilah olehmu akan sahabat
Yang boleh dijadikan obat
Carilah olehmu akan guru
Yang boleh tahukan tiap seteru

Carilah olehmu akan istri
Yang boleh menyerahkan diri

Carilah olehmu akan kawan
Pilih segala orang yang setiawan

Carilah olehmu akan abdi
Yang ada baik sedikit budi

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://teratakemas.com/2020/09/08/gurindam-12-raja-haji-fisabillah/>

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



KERTAS MODEL
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025
BAHASA MELAYU

1103/3**Kertas 3**

Masa : Individu : 3 – 5 minit

Kumpulan : 12 – 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian, **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Bahagian A perlu dijawab secara **individu** dan Bahagian B dijawab secara perbincangan dalam **kumpulan** yang merangkumi 3–5 orang calon.*
3. *Masa yang diperuntukkan untuk menjawab Bahagian A ialah 3 hingga 5 minit, manakala masa yang diperuntukkan untuk menjawab Bahagian B ialah 12 hingga 15 minit.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A : Taksiran Individu

[40 markah]

[Masa : 3 hingga 5 minit]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

TEMA : KEBUDAYAN, KESENIAN DAN ESTETIKA**Tarian Tradisional di Malaysia****Tarian Zapin**

Sumber : <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/04/144537/zapin-seni-warisan-kebanggaan-johor>

**Tarian Naga**

Sumber : https://ms.wikipedia.org/wiki/Tarian_naga

**Tarian Bharatanatyam**

Sumber : <https://ms.wikipedia.org/wiki/Fail:Bharatanatyam-3.png>



Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum yang terdiri daripada tiga kaum utama iaitu kaum Melayu, Cina dan India. Pelbagai adat dan budaya yang dapat dipelajari daripada masyarakat berbilang kaum ini, terutama daripada tariannya. Tarian dapat didefinisikan sebagai satu seni tari pergerakan badan, kaki dan tangan mengikut rentak muzik yang dimainkan. Tarian yang dipersembahkan dari setiap kaum mempunyai asal usul dan tujuan tersendiri. Sebagai contoh, tarian zapin yang terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu, tarian bharata natyam sangat popular dalam kalangan masyarakat India dan tarian naga bagi masyarakat Cina. Pengaruh Islam ke atas tarian tradisional Malaysia boleh dilihat dengan ketara dalam tarian zapin, sebuah tarian yang terkenal di negeri Johor. Tarian ini, yang diperkenalkan oleh para mubaligh dari Timur Tengah. Pada mulanya digunakan dalam amalan berzikir yang bertujuan menyebarkan pengetahuan mengenai sejarah tamadun Islam. Tarian bharata natyam ialah tarian tradisional masyarakat India dari Tamil Nadu, India. Istilah “bharata natyam” berasal daripada gabungan suku kata “bha” (*bhava*, ekspresi), “ra” (*raga*, muzik), “ta” (*tala*, ritma) dan “natyam” (seni tarian dramatik). Tarian naga, ialah aktiviti hiburan dan mempunyai seni yang unik. Tarian naga berasal daripada kebudayaan Dinasti Han dan sudah berusia kira-kira 2,000 tahun. Pada zaman kuno, rakyat berfikir naga boleh menguruskan air hujan, maka rakyat sentiasa berdoa kepada naga untuk turun hujan pada musim kemarau, dan kemudian menjadi aktiviti budaya dan rekreasi. Di samping itu, bangsa Cina sangat memuja naga dan naga sebagai simbol tuah.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tarian tradisional di Malaysia'.
<https://pinkcherry-kpt4033.blogspot.com>

Bahagian B : Taksiran Kumpulan

[30 markah]

[Masa : 12 hingga 15 minit]

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian, bincangkan dalam kumpulan mengenai bahan rangsangan tersebut.

TEMA : PELANCONGAN

Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang beriklim khatulistiwa dengan mempunyai alam semula jadi yang unik. Kebanyakan negara memilih Malaysia sebagai destinasi percutian dan pelancongan kerana mempunyai daya tarikannya tersendiri.

Huraikan pendapat anda tentang kepentingan melancong di dalam negara.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



KERTAS MODEL
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025
BAHASA MELAYU

1103/4

Kertas 4

30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat petikan.*
2. *Anda dikehendaki menjawab semua soalan yang diberikan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

UJIAN MENDENGAR

[30 markah]



PETIKAN PERTAMA : PETIKAN CERPEN

[6 markah]

Arahan :

Dengar petikan cerpen ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. *Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.*
2. *Petikan cerpen akan dibaca sekali lagi.*
3. *Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).*
4. *Dengar maklumat berikut dengan teliti.*

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.


Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan cerpen yang diperdengarkan.

- 1 Berdasarkan petikan cerpen, mengapakah bonda tidak membenarkan penulis pergi berhijrah ke ibu kota? [2 markah]

- 2 Nyatakan kebimbangan dihati bonda seandainya bonda mengizinkan penulis ke ibu kota. [1 markah]

3 Lengkapkan grafik di bawah berdasarkan pandangan bonda terhadap masyarakat di bandar.

Masyarakat di ibu kota dipecah-pecahkan dengan :



[2 markah]

Bulatkan jawapan yang betul bagi **Soalan 4**.

4 Apakah yang menyebabkan penulis menoktahkan hasratnya untuk pergi ke kota yang pesat dengan kemajuan dan peradaban?

- A Pesanan bonda yang kekal melebat dalam hati sanubari penulis.
- B Kota besar yang sudah hilang segala nilai tradisinya.
- C Kota yang sekadar dibangunkan dengan kempen dan slogan itu sarat dengan api prasangka dan runcing prejudis.
- D Masyarakat di kota dipisahkan oleh benteng-benteng ketaasuban dan kepentingan diri masing-masing.

[1 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

PETIKAN KEDUA : PETIKAN SYARAHAN

[8 markah]

**Arahan :**

Dengar petikan syarahan ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. *Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.*
2. *Petikan syarahan akan dibaca sekali lagi.*
3. *Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).*
4. *Dengar maklumat berikut dengan teliti.*

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan syarahan yang diperdengarkan.

- 1 Berdasarkan petikan syarahan, apakah kebaikan membaca kepada seseorang? [1 markah]

- 2 Siapakah yang mengatakan bahawa satu kajian yang telah dibuat menunjukkan budaya membaca kalangan rakyat Malaysia hanya memperuntukkan kurang tiga jam seminggu untuk aktiviti membaca? [2 markah]

- 3 Senaraikan **tiga (3)** jenis bahan ilmiah dan **tiga (3)** jenis bahan bukan ilmiah. [2 markah]

Bahan ilmiah	Bahan bukan ilmiah

- 4 Sebagai suri teladan kepada anak-anak, nyatakan **dua (2)** tindakan yang boleh dilakukan oleh ibu bapa dalam memupuk amalan membaca. [2 markah]

- 5 Nyatakan peribahasa yang memberi gambaran kepada umum bahawa anak-anak akan mengikut semua tindakan yang dibuat oleh ibu bapa mereka. [1 markah]

PETIKAN KETIGA : PETIKAN SAJAK

[8 markah]

**Arahan :**

Dengar Sajak Pesan Ibu Beribu-ribu ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Sajak akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.

Petikan yang sama diperdengarkan.

Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan sajak yang diperdengarkan.

- 1 Lengkapi perwatakan seorang ibu dalam rangkap kedua sajak Pesan Ibu Beribu-ribu. [2 markah]



Perwatakan
Seorang Ibu

- Seorang yang bertanggungjawab
- Seorang yang _____
- Seorang yang _____

- 2 Apakah pengajaran yang hendak disampaikan oleh penyajak dalam rangkap ketiga sajak?


[2 markah]

- 3 Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (x) bagi pernyataan yang salah tentang seorang ibu berdasarkan sajak tersebut.

(i)	Ibu sentiasa prihatin akan keselamatan anak-anaknya ketika berada di dalam dan di luar rumah.	
(ii)	Seorang ibu hendaklah sentiasa memberi nasihat yang berguna kepada anak-anak agar mereka tidak terpengaruh dengan masalah sosial.	
(iii)	Ibu yang baik ialah ibu yang sentiasa mementingkan keselesaan kehidupan dirinya sahaja.	

[2 markah]

- 4 Rajah di bawah ini berkaitan dengan pesanan yang sering diperkatakan oleh ibu dalam rangkap kedua sajak. Lengkapkan rajah tersebut.



[2 markah]

PETIKAN KEEMPAT : PETIKAN UMUM

[8 markah]

**Arahan :**

Dengar petikan umum ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang diberikan.

1. Anda diberikan masa 30 saat untuk menyemak jawapan.
2. Petikan umum ini akan dibaca sekali lagi.
3. Anda diberi masa selama satu minit untuk membaca soalan (kali kedua).
4. Dengar maklumat berikut dengan teliti.

Petikan yang sama diperdengarkan.


Anda diberi masa 30 saat untuk menyemak jawapan.

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan petikan umum yang diperdengarkan.

- 1 TVET ialah singkatan bagi _____.

[1 markah]

- 2 Lengkap rajah di bawah.



[2 markah]

- 3 Nyatakan **dua (2)** institusi TVET awam yang telah ditubuhkan pada tahun 1964 untuk menyediakan latihan kemahiran kepada belia. [2 markah]

Bulatkan jawapan yang betul bagi soalan 4.

- 4 Pernyataan di bawah adalah benar tentang TVET diperkenalkan **KECUALI**
- A graduan lepasan TVET memperoleh kemahiran praktikal yang diperlukan dalam industri kerja.
 - B peluang pekerjaan bagi graduan adalah lebih tinggi berbanding graduan biasa.
 - C TVET mempersiapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan.
 - D pelajar TVET tidak diajar untuk berfikir secara kreatif dan inovatif, yang membantu dalam penambahbaikan dan pembangunan dalam sektor industri.

[1 markah]

- 5 TVET dilihat amat sesuai untuk pelajar yang kurang minat dalam pelajaran kerana _____

[2 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT